

**SOALAN LAZIM/ FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQ)**  
**PENGGABUNGAN KURSUS DAN UJIAN TEORI KURIKULUM PENDIDIKAN PEMANDU (KPP)**  
**BAGI MOTOSIKAL DAN MOTOKAR**

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah inisiatif Penggabungan KPP Motosikal dan Motokar?	Mana-mana individu yang pada masa ini telah mempunyai sama ada Lesen Memandu Malaysia (LMM) kelas Motosikal atau Motokar dan berhasrat mendapatkan LMM dalam kelas yang lain (motosikal atau motokar), adalah dikecualikan daripada menghadiri Kelas KPP01 dan Ujian Undang-Undang Jalan Raya.
2.	Apakah punca kuasa pelaksanaan inisiatif ini?	Kementerian Pengangkutan telah mengeluarkan Ketetapan Dasar Baharu Mengenai Bahagian Pembelajaran / Kelas Teori Kurikulum Pendidikan Pemandu (KPP01) bagi mendapatkan LMM, melalui surat bertarikh 20 Julai 2023.
3.	Bila inisiatif ini mula berkuatkuasa?	<p>Pelaksanaan akan dibuat secara interim bermula 15 September 2023. Pengecualian diberikan kepada calon/ pemohon sehingga 31 Disember 2024.</p> <p>Manakala bagi pelaksanaan penuh akan berkuatkuasa pada 1 Januari 2025.</p>
4.	Apakah kelas lesen yang terlibat di bawah Inisiatif ini?	Lesen Memandu Kelas Motosikal (Kelas : A, C, B2 dan B) dan Lesen Memandu Kelas Motokar (Kelas : A1, D, DA, F, G, H dan I)
5.	Apakah syarat kelayakan untuk inisiatif ini?	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Telah memiliki salah satu Kelas Motosikal atau Motokar.</li> <li>2. Kelayakan umur bagi motosikal adalah kekal pada 16 tahun dan ke atas, manakala bagi motokar adalah 17 tahun dan ke atas.</li> <li>3. Dalam tempoh interim, pemohon perlu mengaktifkan (permohonan) semula Lesen Belajar Memandu (LDL).</li> <li>4. Membuat pembelian buku KPP dan seterusnya mendaftar di Institut Memandu.</li> </ol>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		5. Bebas daripada tindakan senarai hitam Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) / Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan tindakan Mahkamah.
6.	Adakah calon perlu menjalani latihan dan ujian memandu praktikal bagi mendapatkan Lesen Memandu Percubaan (PDL) / Lesen Memandu Kompeten (CDL)?	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Perlu setelah LDL dikeluarkan.</li> <li>2. Calon perlu melengkapkan jumlah jam latihan KPP02 (Litar) dan KPP03 (Jalan Raya) bagi kelas lesen berkaitan.</li> <li>3. Lulus Ujian Praktikal bagi kelas lesen berkaitan.</li> <li>4. Latihan dan ujian perlu diselesaikan dalam tempoh dua (2) tahun.</li> </ol>
7.	Adakah pelaksanaan ini melibatkan permohonan pertukaran lesen memandu negara luar?	Ya.
8.	Bagaimanakah cara permohonan lesen baru?	Calon yang tidak memiliki Lesen PDL/CDL, Permohonan Baharu LDL adalah mengikut kelas yang dipohon semasa Tempahan Ujian Bahagian 1. Bagi kelas yang lain perlu buat permohonan baharu (tambah kelas).
9.	Apa yang berlaku sekiranya LDL telah tamat tempoh?	Calon yang telah tamat tempoh LDL melebihi dua tahun dan masih belum memiliki lesen PDL/CDL perlu mendaftar semula di IM dan memasuki Kursus KPP serta mengambil semula Ujian Bahagian I.
10.	Adakah calon boleh mengeluarkan LDL secara serentak bagi Kelas Motosikal dan Motokar?	Ya, calon boleh mengeluarkan LDL bagi kelas Motosikal dan Motokar secara serentak sekiranya calon telah mencapai umur seperti yang ditetapkan di dalam <i>Standard Operating Procedure (SOP)</i> iaitu berumur 16 tahun bagi motosikal dan 17 tahun bagi motokar.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
11.	Di manakah peserta perlu menjalani latihan dan ujian memandu bagi mengikuti inisiatif ini?	Peserta perlu mengikuti kursus, latihan dan ujian di Institut Memandu yang telah ditetapkan/ disenaraikan oleh JPJ.
12.	Berapakah jumlah soalan yang perlu dijawab oleh calon?	Calon perlu menjawab 50 soalan ujian undang-undang jalan raya bagi kelas Motosikal atau Motokar. Markah lulus adalah 42/50 soalan.
13.	Adakah akan berlaku pengurangan harga apabila calon mengambil lesen memandu Kelas Motosikal dan Motokar?	Kadar bayaran masih seperti biasa memandangkan bayaran sedia ada telah dikelaskan juga mengikut jenis lesen memandu.
14.	Adakah akan terdapat perubahan dari segi kadar bayaran permohonan/pembaharuan Lesen Belajar Memandu (LDL) di dalam sistem mySIKAP?	Kadar bayaran masih seperti biasa memandangkan bayaran sedia ada telah dikelaskan juga mengikut jenis lesen memandu.
15.	Apakah manfaat yang diperoleh oleh calon?	Inisiatif ini bakal memanfaatkan semua golongan untuk menjimatkan masa dan kos bagi mendapatkan LMM yang sah selaras dengan hasrat Kerajaan memperkasa ekonomi rakyat.
16.	Sekiranya terdapat sebarang persoalan berhubung pelaksanaan inisiatif ini, apakah sumber yang boleh dirujuk?	Sebarang pertanyaan boleh berhubung:  Bahagian Pelesenan Pemandu Ibu Pejabat. Talian telefon : 03 88928700 / 8699 Email : <a href="mailto:hq.lesen@jpj.gov.my">hq.lesen@jpj.gov.my</a> Portal JPJ / media JPJ: <a href="http://www.jpj.gov.my">www.jpj.gov.my</a>